



## KENYATAAN MEDIA

### “PROGRAM SMART SBB MINI SEKINCHAN MADA-BERNAS”

1. Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan mengaplikasi model dan amalan pertanian baik di Kawasan Muda melalui pelaksanaan Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS sebagai tanda inisiatif kerajaan dalam melonjokan pembangunan industri padi dan beras negara ke tahap yang lebih baik.
2. Melalui Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS juga mampu meningkatkan pendapatan pesawah sebanyak 15% daripada RM2,000 kepada RM5,000 susulan pengurangan penglibatan orang tengah disepanjang rantai nilai industri padi dan beras negara yang dapat dimanfaatkan terus oleh pesawah.
3. Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS akan dilaksanakan di kawasan seluas 187 hektar di dua lokasi di bawah seliaan MADA dengan kerjasama sebuah Syarikat Peneraju SMART SBB iaitu BERNAS selama empat (4) musim penanaman padi mulai Musim Luar 1/2023 iaitu pada bulan Mei 2023 dan dijangka akan dituai pada penghujung bulan Ogos 2023.
4. BERNAS akan bertindak sebagai pengurus projek dan penyedia perkhidmatan seperti penggunaan dron, jentanam, pembajak serta penyeliaan penggunaan baja dan racun menerusi pertanian kontrak dengan pesawah yang terlibat, selain itu juga ianya bertindak selaku pembeli dan pengilang bagi padi yang akan dihasilkan kelak.
5. Konsep diperkenalkan adalah *smart farming* penggunaan peralatan moden untuk meningkatkan kuantiti dan kualiti produk pertanian. Komponen *smart farming* ini juga melibatkan kaedah pertanian yang diuruskan dengan menggunakan jadual kerja ladang yang lebih tersusun dan dikuti dengan penggunaan baja tambahan serta pematuhan kepada waktu aplikasi baja dan racun yang lebih tepat bagi memastikan keberkesanan terhadap pokok padi lebih optimum.
6. Pihak MADA telah menetapkan lokasi pelaksanaan program ini berdasarkan keluasan projek setempat, projek yang sesuai bagi penggunaan jentera jentanam dan peserta mampu memberi komitmen dan kerjasama yang baik serta mampu mematuhi pakej tanaman padi yang ditetapkan.

7. Penggunaan jentanam dapat mengawal infestasi rumpai dan padi angin dapat dilakukan dengan lebih mudah sekaligus kos bagi kawalan rumpai dapat dikurangkan melalui Kawasan yang lebih efisien. Selain itu, pengeluaran padi yang berkualiti dapat meningkatkan pendapatan pesawah melalui permutuan padi yang lebih rendah.
8. Dengan pelaksanaan program ini akan memberikan impak terhadap pengeluaran hasil padi di kawasan Muda dan mutu pengurusan ladang seperti peningkatan produktiviti sebanyak 62.6% sekiranya pengeluaran hasil padi mencapai 10 tan perhektar dalam tempoh pelaksanaan projek.
9. Program SMART SBB Mini Sekinchan MADA-BERNAS akan menerapkan amalan pertanian berhasil tinggi dengan mempraktikkan Knowledge, Attitude dan Practice yang diamalkan oleh pesawah di Kawasan penanaman padi Sekinchan, Selangor.
10. Adalah menjadi harapan MADA agar program SMART SBB dapat meningkatkan hasil padi daripada 5.89 tan sehektar sebelum ini kepada 8.0 tan. Perancangan ini adalah selaras dengan komitmen Kerajaan di dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) untuk meningkatkan tahap pendapatan pengeluaran makanan serta tahap sara diri (SSL) beras negara daripada 63% kepada 75% dalam tempoh RMKe-12 dan 80% pada tahun 2030 sekaligus ia menepati konsep Membangunan Malaysia Madani iaitu Kemampanan dan Kesejahteraan.
11. Sebagai rekod, Kawasan Muda merupakan kawasan jelapang padi terluas di Malaysia dengan kawasan sawah padi seluas 100,641 hektar dengan ahli-ahli peladang berjumlah 57,635 orang.

Disediakan Oleh :

Cawangan Komunikasi Korporat

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA)

9 Mei 2023